

HUJAN DAN BANJIR DALAM HADIS NABI SAW *FLOOD AND RAIN IN HADITH OF THE PROPHET SAW*

Zulhelmi, M.N¹ & Azman, A.R²



ABSTRAK

Dewasa ini kita melihat banyak berlaku bencana alam di merata tempat di dunia. Kesemua bencana alam ini pernah diketahui atau disaksikan oleh Nabi SAW dan para sahabat Baginda RA. Antara bencana alam yang sering dialami di negara kita adalah banjir, kejadian banjir yang melanda negara tidak lama dahulu amat meresahkan semua pihak. Banjir ini dimulai dengan hujan lebat yang berterusan, lalu mengakibatkannya bertakung atau melimpah. Artikel ini akan cuba mengemukakan pandangan dan sabdaan Nabi SAW berkaitan dengan hujan yang menjadi sebab kepada banjir dan seterusnya melihat saranan Baginda atau perlakuan terhadap banjir yang melanda. Ia dimulakan dengan situasi sebelum, semasa dan selepas berlakunya hujan dan kesan daripada hujan yang berterusan. Beberapa hadis Nabi SAW yang berkaitan akan dikumpulkan dan dianalisa isi kandungannya serta dikukuhkan dengan pandangan ulama muktabar. Diharapkan

¹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: zulhelmi@usim.edu.my

² Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my

artikel ini dapat menyingkap perbuatan dan sabdaan Nabi SAW terhadap fenomena hujan dan banjir dan seterusnya menjadi suatu pedoman dan titik permulaan kepada umat Islam untuk berhadapan dan mula mencari jalan penyelesaian kepada bencana hujan dan banjir. Didapati secara umumnya, sentuhan Nabi SAW terhadap banjir amat minima, ia sesuai dengan zaman, tempat dan keadaan di Mekah serta Madinah pada ketika itu, manakala berkaitan hujan hanyalah berkisar dengan cara Nabi SAW berhadapan dan melaluinya.

Kata kunci: *hujan, banjir, kemusnahan, bencana alam, sunnah Nabi SAW*

ABSTRACT

Natural disaster happened around the world causing destruction to the environment and mankind. All of these natural disasters also happened during the time of Prophet and his Companions. Natural disasters that often experienced in our country is flood. This phenomenon that happened previously has causing chaos to many people. The floods began with heavy rain, spilled into the river and cause it to overflow. This article will analyse the views of Prophet in regards to the issue of the floods. It commenced with the situation before, during and after of the rain and the effects of continuous rain. Some hadith of Prophet will be collected and analysed guided with the view of contemporary scholars. This research is expected to expose the actions of Prophet to the phenomenon of rain and floods. It also shall become a guideline and a starting point for Muslim to deal about completion of the rain and flood disasters. Generally, the views of Prophet about the flood are very minimising. It corresponds to the times, places and circumstances in Mecca and Medina during that time, when the rain is simply related to the range by way of the Prophet faced and through its.

Keywords: *rain, flood, damages, natural disaster, hadith of Prophet*

PENDAHULUAN

Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW kepada hambaNya untuk mendidik mereka kepada keredhaan Allah SWT. Manakala umat Baginda pula menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan dan panduan dalam segala urusan, kerana Bagindalah orang yang paling layak mengutarakan sesuatu sama ada saranan mahupun jalan penyelesaian kepada masalah yang melanda umatnya. Ia amat bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: *Dan apa-apa yang didatangkan oleh Rasul itu, hendaklah kamu semua menerimanya, dan apa yang dilarang olehnya hendaklah berhenti melakukannya, hendaklah kamu semua tinggalkan. Bertaqwalah kamu semua kepada Allah, sesungguhnya Allah itu maha dahsyat balasanNya.*

(al-Quran, al-Hasyar 59:7)

Juga firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: *Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.*

(al-Quran: al-Ahzab 33:21)

Dalam kehidupan Nabi SAW, terdapat beberapa fenomena alam yang biasa dialami oleh Baginda dan para sahabat RA, antaranya kemarau atau cuaca kering yang berpanjangan, gegaran sederhana atau bukit, hujan, gerhana, guruh dan kilat, banjir dan sebagainya. Terdapat juga fenomena alam yang tidak dialami oleh Baginda dan para sahabat, tetapi Baginda mengetahuinya melalui sabdaannya yang jelas kebanyakannya apabila Baginda berbicara tentang akhir zaman, antaranya:

Malaysia juga tidak sunyi dari ditimpa bencana alam, yang kadang kala memberikan kesan yang amat besar kepada masyarakatnya. Jika bencana yang berlaku itu juga pernah berlaku pada zaman Baginda SAW malah dihadapi dan diselesaikan oleh Nabi SAW berpandukan wahyu Allah SWT, maka menjadi kewajipan kepada kita sebagai umat Baginda untuk mengambil pendekatan yang dibawa, mengkaji dan menyesuaikan di dalam menghadapi musibah bencana alam. Bertitik tolak daripada itu, artikel ini akan cuba mengupas fenomena berkaitan banjir yang diutarakan di dalam hadis Nabi SAW. Sebagai permulaan, punca kepada banjir yang berlaku di Malaysia adalah berkait rapat dengan hujan, maka penulis akan melihat pendekatan yang dibawa oleh Nabi SAW dalam menerima hujan yang diturunkan Allah SWT serta saranan-saranan Baginda kepada umatnya.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, terdapat beberapa sabda Nabi SAW berkisar tentang fenomena bencana alam yang berlaku sejak zaman Nabi SAW dan para sahabat RA. Fenomena alam yang melanda muka bumi termasuklah kemarau, gempa bumi, banjir kilat, hujan yang berterusan hujan dan sebagainya.

Hujan dalam Hadis Nabi SAW

Tanah yang didiami oleh Baginda Nabi SAW adalah bersifat kering dan diketahui umum sebagai kawasan yang kurang dilimpahi dengan air hujan, pun begitu terdapat beberapa ketika bumi Mekah dan Madinah disirami hujan berdasarkan kepada kisah yang ada di dalam hadis Nabi SAW. Secara umumnya keadaan bumi yang kering dan tidak dilimpahi dengan hujan merupakan salah satu bentuk ujian dan juga bala yang diturunkan oleh Allah SWT. Ia jelas melalui sabda Nabi SAW, antaranya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، قَالَ: أَقْبَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: «يَا مَعْشَرَ الْمُهَاجِرِينَ خَمْسٌ إِذَا ابْتَلَيْتُمْ بِهِنَّ، وَأَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ تُدْرِكُوهُنَّ: لَمْ تَظْهَرِ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ، حَتَّى يُعْلِنُوا

بِهَا، إِلَّا فَشَا فِيهِمُ الطَّاعُونَ، وَالْأَوْجَاعُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي
أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا، وَلَمْ يَنْقُضُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ، إِلَّا أَخَذُوا
بِالسِّنِينَ، وَشِدَّةِ الْمُئُونَةِ، وَجَوْرِ السُّلْطَانِ عَلَيْهِمْ، وَلَمْ يَمْنَعُوا زَكَاةَ
أَمْوَالِهِمْ، إِلَّا مَنَعُوا الْقَطْرَ مِنَ السَّمَاءِ، وَلَوْلَا الْبَهَائِمُ لَمْ يَمْطَرُوا،
وَلَمْ يَنْقُضُوا عَهْدَ اللَّهِ، وَعَهْدَ رَسُولِهِ، إِلَّا سَلَطَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ عَدُوًّا
مِنْ غَيْرِهِمْ، فَأَخَذُوا بَعْضَ مَا فِي أَيْدِيهِمْ، وَمَا لَمْ تَحْكَمْ أُمَّتُهُمْ
بِكِتَابِ اللَّهِ، وَيَتَخَيَّرُوا مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ، إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ بِأَسْهُمِ بَيْنَهُمْ»

Maksudnya: Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar berkata: Rasulullah SAW mengadap ke arah kami dan bersabda: Wahai seluruh kaum muhajirin, lima perkara jika kamu semua diuji dengannya, aku mohon berlindung dengan Allah daripada kamu mengalaminya: Tidak zahir maksiat di dalam sesebuah kaum, sehingga mereka menyebarkannya (maksiat tersebut secara terang-terangan), kecuali akan tersebar di dalam kaum itu penyakit berjangkit dan kebuluran yang tidak pernah berlaku pada generasi sebelum mereka. Tidaklah mereka mengurangkan timbangan dan sukatan, kecuali akan ditimpa kesulitan hidup bertahun-tahun, kepayahan mendapat bantuan dan kezaliman penguasa ke atas mereka. Tidaklah mereka menghalang mengeluarkan zakat, kecuali akan dihalang daripada mereka titisan hujan dari langit, jika tidak kerana binatang ternakan, nescaya mereka tidak akan diturunkan hujan. Tidaklah mereka melanggar janji Allah dan janji RasulNya, kecuali Allah akan menyebabkan mereka dikuasai musuh dari kelompok yang lain, lantas musuh tersebut merampas segala yang mereka miliki. Dan tidaklah pemimpin-pemimpin mereka berhukum dengan Kitab Allah dan tidak memilih apa yang diturunkan oleh Allah, kecuali Allah akan menjadikan kesedihan dan kesukaran pada mereka.

(Ibn Majah, tt: 2/1332)

Hadis ini dihukumkan hasan oleh al-Hafiz al-Munziri di dalam al-Tarhib wa al-Tarhib dan al-Albani.

Hadis ini menerangkan tentang bala yang diturunkan oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad SAW apabila mereka melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah atau meninggalkan perintahnya. Salah satu bentuk bala ini adalah dihalang daripada air hujan yang merupakan sumber kepada seluruh kehidupan.

Hadis Nabi SAW:

عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : « قال ربكم عز وجل : لو أن عبادي أطاعوني

لأسقيتهم المطر بالليل، وأطلعت عليهم الشمس بالنهار، ولما أسمعتهم صوت الرعد » .

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya Nabi SAW bersabda: Tuhan telah berfirman: Jika hamba-hambaKu mentaatiKu, nescaya Aku akan siramkan mereka dengan air hujan di waktu malam, dan Aku terbitkan ke atas mereka matahari di waktu siang, serta Aku tidak akan memperdengarkan kepada mereka suara halilintar”*.

(Ahmad, 2001: 14/327)

Hadis ini dihukumkan hasan oleh Sheikh Ahmad Syakir dan dihukumkan daif oleh Sheikh al-Albaniyy.

Hadis ini menjelaskan antara tanda keredaan Allah SWT kepada hambaNya adalah dengan diturunkan hujan. Maka, turunnya hujan adalah suatu tanda kerahmatan Allah SWT, bumi menjadi hijau dan penduduk akan mendapat banyak manfaat daripadanya. Inilah juga mesej yang dibawa di dalam al-Quran, yang mana majoriti ayat yang menerangkan air yang diturunkan Allah SWT dari langit adalah sebagai pembawa rezeki dan kebaikan.

Penulis mendapati di dalam hadis Nabi SAW – sekadar pengkajian dan pembacaan penulis – hujan yang diturunkan pada zaman Nabi SAW tidak ada yang disifatkan sebagai suatu azab atau bala dari Allah SWT, Cuma terdapat di sana hadis yang memaparkan ketakutan dan

kerisauan Nabi SAW bahawa berkemungkinan awan yang gelap dan guruh serta kilat menandakan kemurkaan Allah SWT dan azabNya.

Dapat disimpulkan hadis-hadis yang membicarakan tentang hujan dibahagikan kepada sebelum turun hujan, ketika turun hujan dan selepas turunnya hujan. Berikut adalah huraian kepada pembahagian tersebut.

- a. Hadis Nabi SAW berkaitan sebelum turunnya hujan, antaranya: Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhariyy:

عن أنس بن مالك، قال: كان النبي صلى الله عليه وسلم يخطب يوم الجمعة، فقام الناس، فصاحوا، فقالوا:
يا رسول الله، قحط المطر، واحمرت الشجر، وهلكت البهائم،
فادع الله يسقينا، فقال: «اللهم اسقنا»
مرتين، وإيم الله، ما نرى في السماء قزعة من سحب، فنشأت
سحابة وأمطرت

Maksudnya: *Daripada Anas bin Malik RA berkata: Nabi SAW sedang memberikan khutbah pada hari Jumaat, tiba-tiba bangun sekumpulan manusia dan berteriak, mereka berkata: Wahai Rasulullah, hujan sudah berhenti, pokok semakin kering dan binatang ternakan musnah, doakanlah kepada Allah untuk kami agar diturunkan hujan. Maka Rasulullah SAW berdoa: Ya Allah, turunkanlah hujan ke atas kami. Sebanyak dua kali, demi Allah, kami tidak nampak sebarang gumpalan awan di langit, tiba-tiba awan terbentuk dan menurunkan hujan...*

(al-Bukhariyy, 1422H: 6/62)

Hadis ini menggambarkan bagaimana Nabi SAW memenuhi hajat umatnya yang mengadu akan kemarau yang melanda. Lantas dengan keperihatinan dan kasih sayang Baginda, terus memohon kepada Allah SWT untuk diturunkan hujan.

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Ibn Majah:

عن عائشة رضي الله عنها أن النبي صلى الله عليه وسلم كان إذا رأى سحاباً مُقبلاً من أفق من الآفاق، ترك ما هو فيه وإن كان في صلاته، حتى يستقبله، فيقول: «اللهم إنا نعوذ بك من شر ما أرسل به»، فإن أمطر قال: «اللهم سيِّباً نافعاً» مرّتين أو ثلاثاً، وإن كشفه الله عز وجل، ولم يمطر، حمد الله على ذلك.

Maksudnya: *Daripada 'Aisyah RA berkata: Sesungguhnya Nabi SAW jika Baginda melihat awan yang datang daripada ufuk, Baginda SAW meninggalkan segala perbuatannya, walaupun ketika solat, sehinggalah Baginda menghadap kumpulan awan tersebut, lantas berdoa: Ya Allah, sesungguhnya kami berlindung denganMu daripada keburukan apa yang dibawa dengannya. Apabila hujan turun Baginda SAW akan berdoa dua atau tiga kali: Ya Allah, hujan yang memberi manfaat. Jika Allah SWT menyingkap awan tersebut dan tidak berlakunya hujan, Baginda akan memuji Allah.*

(Ibn Majah, 2009: 5/51)

Hadis ini disebutkan oleh al-Hafiz al-Busiri dengan para perawinya thiqah dan juga disahihkan oleh Sheikh al-Albani.

Hadis ini menggambarkan keadaan Nabi SAW apabila melihat awan tebal yang kebiasaannya membawa hujan. Baginda amat takutkan bala dan kemurkaan Allah di sebalik kumpulan awan hitam, lantas Baginda berdoa bersungguh-sungguh memohon perlindungan daripada Allah SWT. Apabila diturunkan hujan, Baginda terus berdoa meminta kebaikan daripada hujan yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhariyy:

عن عائشة زوج النبي صلى الله عليه وسلم أنها قالت: ما رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم قط مُستجِماً ضاحكاً حتى

أرى منه لهواته، إنما كان يتبسّم، وكان إذا رأى غيماً أو ريحاً
عُرف ذلك في وجهه، فقلت: يا رسول الله صلى الله عليه
وسلم، الناس إذا رأوا الغيم فرحوا رجاء أن يكون فيه المطر،
وأراك إذا رأيتَه عرّفتُ في وجهك الكراهية، فقال: « يا عائشة،
ما يؤمنني أن يكون فيه عذاب؟ قد عذّب قوم بالريح، وقد رأى
قوم العذاب فقالوا: { هَذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا } [الأحقاف: ٤٢]

Maksudnya: Daripada 'Aisyah RA isteri Nabi SAW berkata: Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW ketawa terbahak-bahak sehingga menampakkan gusi Baginda, hanyalah perbuatan Baginda dengan senyuman. Jika Baginda melihat awan mendung atau angin, akan kelihatan di wajahnya (kesedihan dan kerisauan). Aku pun berkata kepada Nabi SAW: Wahai Rasulullah SAW, semua manusia apabila melihat awan mendung, mereka akan gembira kerana mengharapkan turunnya hujan. Tetapi aku melihat tuan, jika tuan melihatnya, aku mengetahui dari raut wajahmu tidak sukannya, sabda Rasulullah SAW: Wahai 'Aisyah, apakah yang menyenangkanku jika di dalamnya terkandung azab dan bala? Telah ada kaum yang diazab dengan angin, ada juga kaum yang melihat azab (dalam bentuk awan mendung) tersebut lantas berkata: (maksud ayat Allah) Inilah awan yang akan menurunkan hujan kepada kita.

(al-Bukhariyy, 1422H: 8/24)

Hadis ini juga menggambarkan keresahan dan kerisauan Nabi SAW apabila melihat awan mendung atau angin yang kuat melanda bumi Madinah. Pada Baginda SAW kemurkaan Allah SWT adalah suatu yang amat dijauhkan dan sebarang tanda yang pernah datang kepada kaum terdahulu, dan sangkaan mereka untuk mendapat nikmat telah bertukar menjadi azab dengan sebab perbuatan maksiat.

Daripada ketiga-tiga hadis ini dapat disimpulkan bahawa perlakuan meminta diturunkan hujan merupakan sunnah Nabi SAW, tetapi tanda-tanda hujan yang turun mestilah disertai dengan perasaan rendah diri, kesyukuran kepada Allah dan doa agar didatangkan sesuatu yang tidak memudaratkan kehidupan. Inilah sunnah yang ditinggalkan

oleh masyarakat kita, yang hanya akan bersikap tidak ambil peduli dengan awan mendung yang sentiasa wujud di ruang angkasa, tanpa disertai dengan doa mengharapakan suatu kebaikan yang dibawanya.

- b. Hadis Nabi SAW berkaitan ketika diturunkan hujan, antaranya:
Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhariyy:

عن عائشة: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان إذا رأى
المطر، قال: «اللهم صيبا نافعا»

Maksudnya: *Daripada 'Aisyah RA berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila Baginda melihat hujan, akan berdoa: Ya Allah jadikanlah hujan ini bermanfaat dan tidak memudaratkan.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 2/32)

Dalam riwayat yang lain daripada al-Imam Muslim, Rasulullah SAW apabila melihat hujan akan bersabda: Rahmah (Muslim, tt: 2/616). Inilah yang merupakan kebiasaan Baginda SAW apabila melihat hujan, memohon kepada Allah SWT agar diberi manfaat daripada segala yang diciptakanNya dan yang ditentukan untuk hamba-hambaNya serta menolak segala bahaya dan mudarat daripada hujan tersebut.

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim:

قَالَ أَنَسٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَصَابَنَا وَنَحْنُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَطْرًا، قَالَ: فَحَسَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَوْبَهُ، حَتَّى أَصَابَهُ مِنَ الْمَطَرِ، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَ صَنَعْتَ هَذَا؟
قَالَ: «لِأَنَّهُ حَدِيثٌ عَهْدٍ بِرَبِّهِ تَعَالَى»

Maksudnya: Berkata Anas bin Malik RA: Kami bersama Rasulullah SAW ditimpa hujan, maka Rasulullah SAW menyingkap bajunya, dan hujan mengenai tubuh Baginda. Kami berkata: Wahai Rasulullah, kenapakan tuan melakukan sedemikian? Sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya ia (hujan) masih baru diciptakan oleh Tuhannya (hujan merupakan rahmat daripada Allah SWT dan masih baru dibentuk)”

(Muslim, tt: 2/615)

Hadis ini menggambarkan perbuatan Rasulullah SAW yang bersyukur nikmat penurunan hujan. Baginda SAW bukan sahaja berdoa kebaikan hujan tersebut malah, turut merasai dan menyegarkan tubuh Baginda dengan rahmat yang terkandung di dalamnya.

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Abu Daud:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «ثَنَّتَانِ لَا تُرَدَّانِ، أَوْ قَالَ: قَلَّ مَا تُرَدَّدَانِ، الدُّعَاءُ عِنْدَ النَّدَاءِ، أَوْ عِنْدَ الْبَأْسِ حِينَ يُلْحَمُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا» قَالَ مُوسَى بْنُ يَعْقُوبَ وَحَدَّثَنِي رِزْقُ بْنُ سَعِيدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْمَدَنِيِّ عَنْ أَبِي حَازِمٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَوَقْتُ الْمَطَرِ»

Maksudnya: *Daripada Sahl bin Sa'ad RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Dua perkara yang tidak akan ditolak. Dalam riwayat yang lain: Amat sedikit untuk ditolak, iaitu: Doa ketika azan dan berdoa ketika susah di saat sebahagian mereka membunuh sebahagian yang lain (peperangan). Berkata Musa bin Ya'qub dan telah menyampaikan kepadaku Rizq bin Sa'id bin Abd al-Rahman al-Madani daripada Abi Hazim daripada Sahl bi Sa'ad RA daripada Nabi SAW bersabda: Dan waktu hujan.*

(Abu Daud, 2009: 4/193)

Hadis yang tidak dinyatakan hukumnya oleh al-Imam Abu Daud yang menunjukkan ia adalah baik (*salih*) di sisinya. Sheikh al-Albani menghukumkan dengan hasan tanpa lafaz “Dan waktu hujan”.

Hadis ini membicarakan tentang waktu hujan yang digalakkan untuk berdoa meminta kepada Allah SWT segala sesuatu, ia bertepatan dengan sifat hujan yang kebanyakannya membawa rahmat.

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhariyy:

عن أنس بن مالك، قال: بينما رسول الله صلى الله عليه وسلم يخطب يوم الجمعة، إذ جاءه رجل، فقال: يا رسول الله قحط المطر، فادع الله أن يسقينا، فدعا فمطرنا، فما كدنا أن نصل إلى منازلنا فما زلنا نمطر إلى الجمعة المقبلة، قال: فقام ذلك الرجل أو غيره، فقال: يا رسول الله ادع الله أن يصرفه عنا، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «اللهم حوالينا ولا علينا» قال: فلقد رأيت السحاب يتقطع يميننا وشمالا، يمطرون ولا يمطر أهل المدينة

Maksudnya: *Daripada Anas bin Malik RA berkata: Ketika Rasulullah SAW sedang memberikan khutbah pada hari Jumaat, datang seorang lelaki dan berkata: Wahai Rasulullah, hujan telah berhenti, doakanlah untuk kami kepada Allah agar diturunkan hujan, lantas Rasulullah SAW berdoa dan diturunkan hujan. Hampir-hampir kami tidak sampai ke rumah kami (dengan sebab hujan yang lebat), begitulah berterusan turunnya hujan sehingga hari Jumaat yang seterusnya. Anas bin Malik RA berkata: Lelaki tersebut bangun atau selainnya dan berkata: Wahai Rasulullah, berdoalah kepada Allah untuk dijauhkannya (hujan) daripada kami. Rasulullah SAW bangun dan berdoa: Ya Allah, di sekeliling kami (hujan itu turun) dan bukanlah ke atas kami. Berkata Anas RA: Sesungguhnya aku melihat awan bergerak ke kanan dan ke kiri, masih menurunkan hujan tetapi tidak ke atas penduduk Madinah.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 2/29)

Hadis ini menerangkan tentang doa Nabi SAW kepada Allah SWT agar menukar arah hujan ke tempat yang lain dan memberi manfaat kepada alam sekitar serta mengelakkan berlakunya banjir di kawasan penduduk Madinah.

Secara kesimpulannya keempat-empat hadis yang berkaitan dengan perbuatan Nabi SAW ketika turunnya hujan menjelaskan

kepada kita bahawa ia berkisar tentang doa dan memohon hajat kepada Allah SWT. Hanya satu perlakuan sahaja yang diriwayatkan dilakukan oleh Baginda iaitu menjadikan hujan tersebut mengenai tubuh atau wajah Baginda SAW. Manakala baki hadis yang lain menerangkan kekuatan doa dan kelebihanannya ketika menerima nikmat Allah SWT dan juga mengelakkan bencana atau bala.

- c. Hadis Nabi SAW berkaitan selepas hujan berhenti:
Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhariyy:

عن زيد بن خالد الجهني، أنه قال: صلى لنا رسول الله صلى الله عليه وسلم صلاة الصبح بالحديبية على إثر سماء كانت من الليلة، فلما انصرف أقبل على الناس، فقال: هل تدرون ماذا قال ربكم؟ قالوا: الله ورسوله أعلم، قال: « أصبح من عبادي مؤمن بي وكافر، فأما من قال: مطرنا بفضل الله ورحمته، فذلك مؤمن بي وكافر بالكوكب، وأما من قال: بنوء كذا وكذا، فذلك كافر بي ومؤمن بالكوكب »

Maksudnya: *Daripada Zayd bin Khalid al-Juhani RA berkata: Rasulullah SAW solat bersama kami akan solat subuh di al-Hudaybiyyah selepas daripada hujan pada malam sebelumnya. Apabila selesai solat, Baginda SAW menghadap ke arah kami dan bersabda: Adakah kamu semua tahu apa yang dikatakan oleh Tuhan kamu? Mereka menjawab: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Sabda Baginda SAW: Berpagian dari kalangan hamba-hambaKu seorang yang beriman denganKu dan juga seorang yang kafir, adapun sesiapa yang berkata: Kami diberikan hujan dengan rahmat dan kelebihan dari Allah, maka itulah orang yang beriman kepadaKu dan kafir kepada bintang-bintang, dan manakala sesiapa yang berkata: Kami diberi hujan dengan bintang ini dan itu, maka dia adalah orang yang kafir terhadapKu dan beriman dengan bintang.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 1/169)

Hadis ini menerangkan tentang sikap orang yang beriman apabila diturunkan hujan ke atas mereka. Semuanya disandarkan kepada Allah SWT sebagai pentadbir alam ini dan tanpa campur tangan mana-mana makhluk yang lemah dan tidak sempurna.

Setelah dikumpulkan hadis-hadis berkaitan hujan dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa hakikat hujan dalam hadis Nabi SAW, iaitu:

- i. Asal kepada penurunan hujan merupakan suatu kelebihan dan rahmat daripada Allah SWT kepada hambaNya.
- ii. Rasulullah SAW menerima hujan sebagai rahmat dan kelebihan dengan memperbanyakkan doa, memuji Allah SWT dan mengharap kebaikan serta manfaat daripadanya. Bahkan Baginda menunjukkan rasa kesyukurannya dengan membasahkan dirinya dengan permulaan hujan.
- iii. Tidak dinafikan bahawa hujan juga boleh membawa kecelakaan dan bencana, dengan sebab itulah Baginda SAW juga merasa amat takut apabila melihat gerombolan awam hitam yang memenuhi langit dan memohon perlindungan daripada Allah SWT.
- iv. Bencana yang berpunca daripada hujan diselesaikan oleh Baginda dengan berdoa kepada Allah SWT. Dan ia amat bertepatan dengan sikap Baginda yang menyerahkan sepenuhnya kepada Allah SWT, bermula daripada permohonan untuk diturunkan hujan sehingga kepada permohonan diangkat semula hujan yang menyukarkan umatnya.

Banjir Dalam Hadis Nabi SAW

Perbincangan berkaitan banjir dalam hadis Nabi SAW, melalui pembacaan dan pengkajian penulis tidak terdapat hadis yang benar-benar pasti berkenaan dengannya. Banjir sebagai suatu bencana yang memusnahkan sesebuah tempat atau kaum banyak dibicarakan oleh al-Quran ketika menghuraikan balasan kaum yang mendustakan Rasul AS mereka.

Maka penulis melihat bahawa banjir sebagai bencana adalah lebih hampir kepada sifatnya sebagai hujan yang turun lebat, dalam tempoh yang lama di kawasan yang tidak dapat mengalirkan air dengan baik.

Kesan-kesan kemusnahan akibat banjir yang berlaku pernah dinyatakan dalam hadis Nabi SAW, seperti yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhariyy:

عن أنس بن مالك، قال: بينما رسول الله صلى الله عليه وسلم يخطب يوم الجمعة، إذ جاءه رجل، فقال: يا رسول الله قحط المطر، فادع الله أن يسقينا، فدعا فمطرنا، فما كدنا أن نصل إلى منازلنا فما زلنا نمطر إلى الجمعة المقبلة، قال: فقام ذلك الرجل أو غيره، فقال: يا رسول الله ادع الله أن يصرفه عنا، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «اللهم حوالينا ولا علينا» قال: فلقد رأيت السحاب يتقطع يمينا وشمالا، يمطرون ولا يمطر أهل المدينة

Maksudnya: *Daripada Anas bin Malik RA berkata: Ketika Rasulullah SAW sedang memberikan khutbah pada hari Jumaat, datang seorang lelaki dan berkata: Wahai Rasulullah, hujan telah berhenti, doakanlah untuk kami kepada Allah agar diturunkan hujan, lantas Rasulullah SAW berdoa dan diturunkan hujan. Hampir-hampir kami tidak sampai ke rumah kami (dengan sebab hujan yang lebat), begitulah berterusan turunnya hujan sehingga hari Jumaat yang seterusnya. Anas bin Malik RA berkata: Lelaki tersebut bangun atau selainnya dan berkata: Wahai Rasulullah, berdoalan kepada Allah untuk dijauhkannya (hujan) daripada kami. Rasulullah SAW bangun dan berdoa: Ya Allah, di sekeliling kami (hujan itu turun) dan bukanlah ke atas kami. Berkata Anas RA: Sesungguhnya aku melihat awan bergerak ke kanan dan ke kiri, masih menurunkan hujan tetapi tidak ke atas penduduk Madinah.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 2/29)

Hadis ini menerangkan peristiwa hujan yang turun selama seminggu hingga mengakibatkan kemusnahan tanaman, binatang ternakan dan tempat tinggal para sahabat Nabi SAW. Nabi SAW

dengan kemuliaan dan ketinggian derajat Baginda di sisi Allah SWT, memohon kepada Tuhannya agar dijauhkan hujan tersebut daripada kawasan tempat tinggal para sahabat.

Berdasarkan kepada hadis yang tunggal ini, dapat disimpulkan bagaimana bencana alam akibat daripada hujan yang lebat dan berterusan sehingga menyebabkan banjir adalah merupakan kuasa Allah SWT dan manusia seluruhnya mesti terlebih dahulu memohon dengan bersungguh-sungguh untuk diselesaikan masalah banjir mereka. Di samping tidak melupakan usaha-usaha fizikal untuk membentaras dan menyelesaikan masalah banjir.

Terdapat hadis Nabi SAW yang membicarakan tentang salah satu daripada kesan banjir yang besar iaitu tenggelam atau lemas. Antara hadisnya adalah:

عن أبي هريرة، قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم: «الشهداء: الغرق، والمطعون، والمبطون، والهدم»

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah RA berkata: Nabi SAW bersabda: Para syuhada itu ialah: Yang tenggelam di dalam air, yang terkena penyakit berjangkit, yang terkena penyakit di perutnya dan yang tertimpa dengan runtuhan.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 1/145)

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، قَالَ: صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَوْمًا صَلَاةً، فَأَطَالَ فِيهَا، فَلَمَّا أَنْصَرَفَ قُلْنَا: - أَوْ قَالُوا: - يَا رَسُولَ اللَّهِ أَطَلْتَ الْيَوْمَ الصَّلَاةَ، قَالَ: «إِنِّي صَلَّيْتُ صَلَاةَ رَغْبَةٍ وَرَهْبَةٍ، سَأَلْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لِأُمَّتِي ثَلَاثًا، فَأَعْطَانِي اثْنَتَيْنِ وَرَدَّ عَلَيَّ وَاحِدَةً، سَأَلْتُهُ أَنْ لَا يُسَلِّطَ عَلَيْهِمْ عَدُوًّا مِنْ غَيْرِهِمْ، فَأَعْطَانِيهَا، وَسَأَلْتُهُ أَنْ لَا يُهْلِكَهُمْ غَرَقًا، فَأَعْطَانِيهَا، وَسَأَلْتُهُ أَنْ لَا يَجْعَلَ بَأْسَهُمْ بَيْنَهُمْ، فَرَدَّهَا عَلَيَّ»

Maksudnya: *Daripada Mu'az bin Jabal RA berkata: Suatu hari Rasulullah SAW bersolat, Baginda memanjangkan solatnya, apabila selesai solat, kami berkata: Wahai*

Rasulullah, tuan telah memanjangkan solat hari ini. Sabda Baginda SAW: Sesungguhnya aku solat dalam keadaan mengharap dan risau, aku memohon kepada Allah SWT untuk umatku tiga perkara, Allah memberikan dua dan menolak satu daripadanya. Aku memohon agar umatku tidak dikuasai oleh musuh mereka yang bukan dari kalangan mereka, Allah memberikannya. Aku memohon kepada Allah agar tidak dimusnahkan umatku dengan tenggelam (banjir yang besar), maka Allah memberikannya. Dan aku memohon agar tidak dijadikan kesukaran dan kemusnahan umatku di sebabkan sebahagian dari mereka sendiri, maka Allah menolaknya.

(Ibn Majah, 2009: 5/97)

Hadis dihukumkan sahih oleh Sheikh Ahmad Syakir dan Sheikh al-Albani.

عَنْ أَبِي الْيَسْرِ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَدْمِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ التَّرْدِي، وَأَعُوذُ
بِكَ مِنَ الْغَرَقِ، وَالْحَرِيقِ، وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ يَتَخَبَّطَنِي الشَّيْطَانُ عِنْدَ
الْمَوْتِ، وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أَمُوتَ فِي سَبِيلِكَ مُدْبِرًا، وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ
أَمُوتَ لَدَيْغًا»

Maksudnya: *Daripada Abu al-Aswad al-Sulami RA berkata: Rasulullah SAW berdoa dengan bersabda: Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada kemusnahan, aku berlindung denganMu daripada jatuh dari tempat yang tinggi, aku berlindung denganMu daripada tenggelam, terbakar, aku berlindung denganMu daripada dipengaruhi syaitan ketika hampir mati, aku berlindung denganMu daripada mati di jalanMu secara melarikan diri, dan aku berlindung denganMu daripada mati akibat disengat.*

(al-Nasaiyy, 1986: 8/282)

Hadis ini dihukumkan sahih oleh Sheikh al-Albani. Ketiga-tiga hadis ini memaparkan tentang tenggelam atau mati secara tenggelam sebagai suatu yang minta dijauhi oleh Nabi SAW. Pun begitu bagi umat Nabi Muhammad SAW yang mati secara tenggelam termasuk di dalam kategori golongan yang mati syahid.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pengkajian yang dibuat kepada hadis-hadis Nabi SAW yang dikumpulkan berkaitan dengan hujan banjir menyimpulkan bahawa hadis-hadis yang memaparkan tentang hujan kebanyakan adalah bersifat suatu kemuliaan dan rahmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada umatnya. Tidak ada hadis yang menyatakan bahawa hujan dianggap sebagai suatu bala dan ujian besar yang membawa kepada kehancuran umat. Banjir yang terjadi akibat daripada hujan yang melampau tidak banyak disentuh oleh Rasulullah SAW. Ini berkemungkinan sifat dan keadaan bumi tanah Arab yang kering dan jarang ditimpa hujan lebat.

Artikel ini juga mencadangkan:

- i. Masalah hujan dan banjir dirujuk kepada zaman selepas Nabi SAW, dari zaman al-Khulafa al-Rasyidin sehinggalah zaman ulama mutakhir yang muktabar, agar cara dan kaedah mereka menghadapi bencana hujan dan banjir dapat diperhalusi.
- ii. Hadis-hadis Nabi SAW dijadikan asas bagi mengelakkan sebarang bencana yang tidak diingini. Umat amat digalakkan untuk mempraktikkan sunnah Nabi SAW apabila bermulanya hujan, semasa hujan dan selepas berlakunya hujan.
- iii. Kajian lanjut boleh dilaksanakan untuk menyingkap hadis-hadis yang masih banyak di dalam kitab-kitab yang disusun oleh ulama muktabar, kerana kajian ini hanya bersumberkan kepada kitab-kitab hadis yang masyhur dan dihukumkan sahih oleh para il-muan.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abu Daud, Sulayman bin al-Asy^ʿath. (2009). *al-Sunan*. Tahqiq: Shu^ʿaib al-Arnauth. Dar al-Risalah al-^ʿAlamiyyah.

Ahmad, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. (2001). *al-Musnad*. Tahqiq: Syu^ʿaib al-Arnauth. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Bukhariyy, Muhammad bin Ismail. t.t. *Sahih al-Bukhariyy*. Tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir, Dimasyq: Dar Tauq al-Najah.

Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (2009). *al-Sunan*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqiyy. Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-^ʿArabiyyah.

Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. t.t. *Sahih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqiyy. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-^ʿArabiyy.

Al-Nasaiyy, Ahmad bin Syu^ʿaib. (1986). *al-Sunan*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqiyy. Halb: Maktab al-Matbu^ʿat al-Islamiyyah.

<https://saaid.net/mktarat/sh/5.htm>. (diakses pada: 3 Januari 2016).

<http://www.3llamteen.com/2013/11/18/sunna/>. (diakses pada: 3 Januari 2016).

<http://www.aahlalheeth.com/vb/showthread.php?t=289622>. (diakses pada: 7 Januari 2016).